

# Pertandingan Memancing Anjuran Kelab Kakitangan

Bermula dengan perasaan sekadar ingin mencuba dan suka-suka, seorang kakitangan di Kolej Kediaman Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) tidak menyangka akhirnya muncul Raja Pancing UniMAP dan membawa pulang hadiah wang tunai RM1,000.

Syuhairi Syariff, 25, Pekerja Awam di Kolej Kediaman Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak menaruh sebarang harapan besar sewaktu menyertai pertandingan tersebut sebaliknya hanya bertujuan mengisi waktu terluang di hujung minggu. ``Sesungguhnya sewaktu berjaya menaikkan ikan seberat 3.05 kg pada pukul 3.05 petang saya tidak meletakkan sebarang harapan walaupun waktu itu saya merupakan peserta pertama yang mendapat ikan. ``Saya merasakan mungkin akan ada peserta mampu menaikkan ikan yang lebih berat selepas saya

tetapi agak terkejut apabila sehingga ke tempoh akhir, tiada yang mampu menandingi berat ikan yang saya naikkan sekaligus mengiktiraf saya sebagai pemenang," katanya.

Seramai 100 staf dan pelajar UniMAP menyertai Karnival Kaki Pancing UniMAP yang julung kali dianjurkan oleh Kelab Kakitangan UniMAP. Ia bertujuan merapatkan hubungan dikalangan kakitangan dan pelajar UniMAP melalui satu aktiviti riadah dan santai. Selain itu, ia juga bertujuan membolehkan kaki-kaki pancing menunjukkan kehebatan masing-masing menumpaskan ikan-ikan yang dilepaskan di kolam berkenaan.

Pertandingan yang berlangsung di kolam ikan Kg Wai, Kuala Perlis itu dirasmikan oleh Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin. Hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Presiden Kelab Kakitangan UniMAP, Dr. Hazry Desa. Tempat kedua pertandingan tersebut dimenangi oleh kakitangan Pusat ICT, Mohd. Afif Jamil Kfir yang membawa pulang hadiah wang tunai RM500 manakala tempat ketiga milik Mohd. Faizal Zainol dari Jabatan Bendahari.